



"EMOSI DAN AKAL SIHAT".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّنِ اتَّبَعَ هَوْنَهُ بِغَيْرِ هُدًى مِّنَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ .</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita semua beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Marilah kita mendengar dan menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk "EMOSI DAN AKAL SIHAT".</p>	6
<p>Hadirin yang dimuliakan Allah SWT,</p> <p>Ketika ramai manusia yang berfikir dahulu sebelum bertindak, terdapat segelintir daripada mereka yang bertindak dahulu baru terfikir akan akibatnya. Mereka hanya mengikut hati dan nafsu semata-mata. Apabila berbicara, diikut perasaannya sahaja, dan apabila bertindak, amarahnya yang menjadi raja.</p>	7



<p>Sesungguhnya, mengikut hawa nafsu semata-mata adalah bencana dan kecelakaan di dunia dan di akhirat. Nabi SAW bersabda sebagaimana yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik Radiallahu Anhu:</p> <p style="text-align: center;">ثَلَاثٌ مُّهِلِكَاتٌ : شُحٌّ مُطَاعٌ وَهَوَى مُتَّبَعٌ وَاعْجَابُ الْمَرْءِ بِنَفْسِهِ</p>	8
<p><i>“Tiga perkara yang membinasakan: sifat kedekut yang dituruti, hawa nafsu yang diikuti dan perasaan ujub terhadap diri sendiri.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Baihaqi).</i></p>	9
<p>Akibat mengikut hawa nafsu dan membelakangkan akal yang waras, betapa ramai yang telah menyesal akibat kata-kata dan perbuatannya. Ada suami yang menyesal selepas kalimah cerai dilafazkan tanpa berfikir panjang hingga menjadi gila talak. Ada anak yang menyesal kerana tidak sempat berbuat baik kepada ibu bapanya sebelum meninggal dunia. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya. Apatah lagi jika penyesalan itu berlaku pada hari akhirat nanti, semuanya sudah tidak boleh diundur ke belakang. Pada waktu itu, manusia lebih sanggup menjadi tanah berbanding dihisab dan disiksa oleh Allah Azza wa Jalla.</p>	10
<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Naba’ ayat 40:</p> <p style="text-align: center;">إِنَّا أَنْذَرْنَاكُمْ عَذَابًا قَرِيبًا يَوْمَ يَنْظُرُ الْمَرْءُ مَا قَدَّمَتْ يَدَاهُ وَيَقُولُ الْكَافِرُ يَلَيْتَنِي كُنْتُ تُرَابًا</p>	11
<p><i>“Sesungguhnya (dengan keterangan-keterangan yang tersebut), kami memberi amaran kepada kamu akan azab yang dekat (masa datangnya), iaitu hari seseorang melihat apa yang telah diusahakannya, dan orang yang kafir akan berkata (pada hari itu): alangkah baiknya kalau aku menjadi tanah (supaya aku tidak dibangkitkan untuk dihitung amalku dan menerima balasan)”</i>.</p>	12



<p>Hadirin Jumaat sekalian,</p> <p>Berfikirilah sebelum berbicara dan bertindak. Gunakanlah akal yang Allah anugerahkan kepada kita. Segala perkataan dan perbuatan kita adalah lahir daripada akal fikiran. Cuma, akal bagaimanakah yang kita inginkan? Adakah akal yang bebas walaupun hakikatnya sangat terbatas?</p>	13
<p>Sebenarnya, hanya akal yang dipandu oleh wahyu dan syarak sahaja yang akan menghasilkan perkataan dan tindakan yang baik. Sebaliknya, akal yang jauh daripada petunjuk dan terbelenggu dengan hawa nafsu akan menuju kesesatan.</p>	14
<p>Firman Allah SWT dalam surah Sod ayat 26:</p> <p>يٰۤاٰدٰوۡدُ اِنَّا جَعَلْنٰكَ خَلِيۡفَةً فِى الْاَرْضِ فَاٰحۡكُمۡ بَيْنَ النَّاسِ بِالۡحَقِّ وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوٰى فَيُضِلَّكَ عَنۡ سَبِيۡلِ اللّٰهِ</p>	15
<p><i>“Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu). Dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah”.</i></p>	16
<p>Para tetamu Allah sekalian,</p> <p>Berbicaralah dengan penuh kewarasan. Bertindaklah dengan penuh hikmah. Jangan sesekali diikuti emosi dan kehendak hawa nafsu yang dihiasi keindahan dunia belitan syaitan. Emosi boleh mematikan fungsi akal waras atau ‘salim’. Ketika akal seseorang itu tidak waras atau tidak ‘salim’, selagi itulah hujah-hujah bersifat ‘aqli’ pun akan ditolak apalagi hujah dari nas yang awal ditolak kerana pastinya perbuatan diluar batas syarak itu ditegah secara keras oleh syarak.</p>	17



<p>Akibat ikut akal pendeknya dan akur dengan kehendak hati marah dan tidak puas hati kepada seseorang atau kumpulan, ada yang sanggup mensabotaj pihak seterusnya atau sahabatnya dengan pelbagai cara yang membakar dirinya sendiri bersama kehancuran orang lain. Wujudnya sikap mementingkan keperluan jangka pendek inilah, melahirkan tingkah laku yang menyebabkan kemusnahan sesebuah organisasi dan seterusnya sebuah kehidupan bermasyarakat. Dengan demikian akan hilanglah sebuah legasi integriti dan kehebatan sebuah organisasi sehinggalah sedikit demi sedikit menyebabkan lenyapnya kehormatan sesuatu bangsa, ummah dan agama Islam yang hebat dan digeruni.</p>	18
<p>Melihat kepada bahayanya emosi yang menguasai akal dan logik, maka Nabi SAW melarang seseorang hakim menjatuhkan sebarang hukuman sekiranya dalam keadaan marah. Diriwayatkan daripada Abdul Rahman bin Abi Bakrah Radiallahu Anhu, bahawa nabi SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">لَا يَقْضِينَ حَكْمَ بَيْنَ اثْنَيْنِ وَهُوَ غَضَبَانُ</p> <p><i>“Janganlah seseorang hakim menjatuhkan hukuman terhadap dua orang yang sedang bertelingkah, sedangkan hakim itu dalam keadaan marah”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	19
<p>Muslimin yang dirahmati Allah,</p> <p>Sesungguhnya mukmin yang sebenar adalah yang taat kepada Allah dan Rasulnya. Akal fikirannya patuh kepada wahyu bukannya mengikut hawa nafsu. Bicaranya adalah mutiara hikmah dan kebaikan. Manakala tindakannya pula adalah dakwah dan tauladan. Yang dikejar bukannya dunia dan kemewahan, tetapi yang didamba adalah barakah dan kebahagiaan.</p>	20



<p>Nah! Lihatlah ketelitian dan kehalusan budi imam mazhab kita al-Imam al-Shafie Rahimahullah, yang cukup berhati-hati dan berfikir dahulu sebelum mengeluarkan pendapat. Al-Imam al-Syafie menyatakan sebab diamnya, katanya:</p> <p style="text-align: center;">حَتَّىٰ أَدْرِي أَنَّ الْفَضْلَ فِي السُّكُوتِ أَوْ فِي الْجَوَابِ</p> <p style="text-align: center;"><i>“Sehingga aku dapat mengetahui sama ada diam atau menjawab (soalan tersebut) itu yang lebih afdhal”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Nawawi: al-Majmuk)</i></p>	21
<p>Hadirin Jumaat sekalian,</p> <p>Menjadi seorang muslim yang bekerja setiap hari mencari nafkah buat anak dan isteri, wajib untuk memastikan rezekinya halal dan dibelanjakan untuk tujuan yang baik. Tiada jalan pintas untuk mengumpul harta jika ia bertentangan dengan syariat.</p>	22
<p>Individu yang baik akan kekal baik walau ditempatkan di mana sahaja. Dia tidak akan berubah mengikut sekelilingnya, sebaliknya dialah yang mengubah suasana sekelilingnya menjadi lebih baik. Nabi SAW melarang kita menjadi orang yang tidak punyai pendirian seperti lalang. Diriwayatkan daripada Huzaifah Radiallahu Anhu bahawa Nabi SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">لَا تَكُونُوا إِمَّعَةً، تَقُولُونَ: إِنَّ أَحْسَنَ النَّاسِ أَحْسَنَّا، وَإِنْ ظَلَمُوا ظَلَمْنَا، وَلَكِنْ وَطِنُوا أَنْفُسَكُمْ، إِنَّ أَحْسَنَ النَّاسِ أَنْ تُحْسِنُوا، وَإِنْ أَسَاءُوا فَلَا تَظْلِمُوا</p>	23



<p><i>“Janganlah kamu menjadi orang yang tidak mempunyai pendirian, mengatakan: sekiranya manusia baik maka kami akan jadi baik, sekiranya mereka melakukan kezaliman maka kami akan lakukan kezaliman juga. Akan tetapi tetaplah pendirian kamu, sekiranya manusia baik, maka lakukanlah kebaikan, dan sekiranya mereka lakukan kejahatan maka jangan lah kamu lakukan kezaliman”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Tirmizi)</i></p>	24
<p>Para sahabat Nabi SAW yang telah mengambil pedoman ini telah menjadi generasi terbaik dengan menyebarkan Islam ke seluruh pelusuk dunia sambil berdagang dan berniaga. Jiwa beragama dan akal yang dipandu dengan wahyu inilah yang telah menyebabkan Islamnya orang lain.</p>	25
<p>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah kita mengutamakan maslahat umum berbanding kepentingan peribadi. Mementingkan diri sendiri dengan mengikut hawa nafsu hanya akan merosakkan maruah agama dan umat Islam seluruhnya. Kejayaan hidup di dunia hanya akan tercapai dengan menggunakan akal yang mengikut panduan syariat, bukannya mengikut perasaan dan hati sahaja. Ingatlah, ikut hati mati, ikut rasa binasa.</p>	26
<p>Mengakhiri khutbah kali ini, khatib ingin berpesan kepada hadirin sekalian agar mengambil pedoman-pedoman berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam wajib meyakini bahawa semua perkataan dan perbuatan di dunia ini bakal dihisab pada hari akhirat kelak.2. Umat Islam mestilah berfikir dahulu sebelum bertindak, agar tidak menyesal di kemudian hari.3. Umat Islam mestilah mengekang hawa nafsunya dan hendaklah meninggalkan legasi atau warisan yang baik untuk generasi akan datang.	27



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ، وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَىٰ، فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَىٰ ۝</p>	28
<p><i>“Adapun orang yang takutkan keadaan semasa ia berdiri di mahkamah Tuhannya (untuk dihisab), serta ia menahan dirinya dari menurut hawa nafsu, maka sesungguhnya syurga lah tempat kediamannya”.</i></p> <p>(Al-Nazi'at : 40-41)</p>	29
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	30
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	31



KHUTBAH KEDUA

<p>اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِيْ جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.</p>	1
<p>اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ ۚ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ.</p>	2
<p>اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اِتَّقُوا اللّٰهَ، اُوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.</p>	3
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpul mati. Bersatu dalam apa jua situasi, bersatu teguh menghadapi persekitaran dan ancaman musuh yang terang dan terselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik). Umat Islam berhak untuk berbeza pendapat, apalagi dalam soal urusan duniawi, namun umat Islam hendaklah terus bersatu dalam fikrah dan kefahaman mengikut garis rentas kalimah لا اِلهَ اِلَّا اللّٰهُ, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh.</p>	4
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Dalam usaha kita memutuskan rantaian Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan fizikal. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.</p>	5



6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،
8	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
9	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج
10	فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.
11	Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.
12	اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.
13	رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.



<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦٠﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلْيَذْكُرُوا اللَّهُ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15